



**JPA**

**SIARAN AKHBAR**

**BAYARAN KHAS RM500 KEPADA PESARA KERAJAAN**

---

Berhubung dengan pengumuman Y.A.B. Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober 2009, sukacita Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memaklumkan bahawa bayaran khas sebanyak RM500 akan diberikan kepada **semua penerima pencen** (termasuk pesara pilihan dan pesara atas sebab lain, serta balu, duda dan anak). Pemberian bayaran khas ini juga meliputi penerima pencen Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Penerima pencen yang layak menerima bayaran khas ini ialah mereka yang menerima pencen bulanan pada bulan Disember 2009.

Bayaran melalui bank akan dilakukan pada **14 Disember 2009 (Isnin)** iaitu sehari sebelum tarikh pembayaran pencen bagi bulan Disember 2009 yang ditetapkan pada 15 Disember 2009 (Selasa). Bagi mereka yang dibayar secara waran, waran berasingan akan dikirimkan pada awal Disember bagi membolehkan penunaian pada 14 Disember 2009.

Penjelasan selanjutnya mengenai perkara ini boleh diperolehi di [www.jpapencen.gov.my](http://www.jpapencen.gov.my).

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Jabatan Perkhidmatan Awam**  
**2 November 2009**



**PRESS RELEASE**

**RM500 SPECIAL PAYMENT FOR GOVERNMENT PENSIONERS**

---

*With regard to the Prime Minister's announcement of RM500 special payment for pension recipients during his Budget speech, the Public Service Department (PSD) wishes to clarify that this payment will be made to **all pension recipients** (including optional retirees, retirees on other grounds, widows, widowers and children). Similar payment will also be made to pensioners of the Malaysian Armed Forces. The payment will be made to all pension recipients entitled to pensions in December 2009.*

*Payment through the banks will be made on **14<sup>th</sup> December 2009 (Monday)**, a day before regular pension payment is credited, which would be on 15<sup>th</sup> December 2009 (Tuesday). Those paid through warrants will receive an additional warrant for RM500 early December enabling encashment on 14<sup>th</sup> December 2009.*

*Further details are available in the website [www.jpapencen.gov.my](http://www.jpapencen.gov.my).*

**Corporate Communications Unit**

**Public Service Department**

**2<sup>nd</sup> November 2009**